

03/02/1999

Ekspo rangsang IT dalam pendidikan

MALAYSIA akan menganjurkan Ekspo Multimedia Sedunia suku pertama tahun depan bertujuan merangsang aplikasi multimedia dan teknologi maklumat (IT) dalam bidang pendidikan.

Ketika mengumumkan perkara ini, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata ekspo itu akan mempamerkan produk, perisian dan peralatan multimedia dan IT dunia di Malaysia oleh syarikat antarabangsa dan tempatan.

"Ekspo berkenaan mempamerkan ketujuh-tujuh aplikasi Koridor Raya Multimedia (MSC) dan memberi tumpuan kepada aplikasi teknologi maklumat dan multimedia dalam bidang pendidikan," katanya.

Najib berkata, ekspo itu membuktikan komitmen Malaysia dalam bidang IT dan pendidikan serta kesungguhan Malaysia merealisasikan MSC dan menjadi pemain utama dalam dunia multimedia dan IT.

Najib yang juga penasihat kepada Jawatankuasa Ekspo Multimedia Sedunia anjuran Majlis Promosi Pendidikan Malaysia (MEPC) berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju menjadi penaung kepada ekspo itu.

Katanya Pengerusi MEPC, Tan Sri Razali Ismail adalah pengerusi jawatankuasa pengelola manakala Naib Pengerusi MEPC, Tan Sri Lim Kok Wing sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana.

Bagi menjayakan ekspo itu beberapa badan seperti Majlis IT Kebangsaan, Mimos Berhad, Multimedia Development Corp Sdn Bhd, Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia, Kumpulan Teknologi Tinggi Kerajaan-Swasta Malaysia (MIGHT), Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pendidikan, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia serta beberapa syarikat multimedia dan IT tempatan dan antarabangsa akan dijemput menjadi anggota penganjur.

Selain daripada ekspo berkenaan, seminar serta beberapa perkara yang berkaitan dengan ekspo itu akan turut diadakan.

Beliau berkata, usaha sedang dilakukan untuk menjemput syarikat besar dari Amerika Syarikat, Eropah, Jepun, Taiwan, Australia dan Kanada menyertai ekspo itu.

(END)